


5 DEKAD
CHUNG CHEN SUN
5 DECADES OF
CHUNG CHEN SUN

五十載筆墨情
鍾正山70回顧展





Balai Seni Lukis Negara
National Art Gallery Malaysia
Ministry of Culture, Arts and Heritage

鍾正山美術館
CHUNG CHEN SUN ART MUSEUM



MALAYSIAN CHINESE CULTURAL SOCIETY
馬來西亞華人文化協會



Simplicity 一生只数笔 89cm x 96.5cm (2004)

SEPATAH KATA

Balai Seni Lukis Negara dengan sukacita mempersembahkan pameran ini untuk tatapan khalayak pencinta seni sebagai penghormatan terhadap seorang pelopor yang telah bertanggungjawab dalam mendidik bergenerasi artis Malaysia. Karya-karya yang disajikan dalam pameran bersempena dengan hari ulang tahun Chung Chen Sun yang ke-70 ini adalah yang terbaik dari setiap dekad beliau bergiat di dunia seni. Dari lanskap awal hingga ke alam benda, figura, pemandangan yang disaksikan sewaktu pengembalaan dan karya-karya besar, hasil-hasil ciptaan beliau sentiasa menerapkan prinsip "seni sebagai kegiatan rohaniah." Sesungguhnya beliau merupakan wakil antarabangsa yang sewajarnya bagi Seni Catan Berus Cina Malaysia; harapan kami semoga beliau terus menjana cetusan kreatif dan hasil yang terbaik.

Rahime Harun
Ketua Pengarah
Balai Seni Lukis Negara

MESSAGE

It is a great pleasure for the National Art Gallery to offer this exhibition to the art-loving community in honour of a man responsible for the education of numerous Malaysian art students. On view in this one-man show – presented to coincide with the celebration of the artist's 70th birthday – are examples of Chung Chen Sun's finest work from every decade he's painted. From his early landscapes to still-lifes, figuratives, paintings of his travels, and large works, Chung never fails to garner our respect with his sense of "art as a spiritual activity". He is indeed a fitting international representative of Malaysian Chinese Brush Painting, and I wish him many more years of joyful creativity and fruitful output.

Rahime Harun
Director-General
National Art Gallery, Malaysia

献辞

国家艺术馆感到无限荣幸，为配合我国的一位艺术教育先驱，钟正山先生的七十岁诞辰而举办其“五十载笔墨情”的回顾展。这项展览将为艺术爱好者呈现钟先生五十年艺术创作历程中各个时期的精选作品。从钟正山先生早期的写生风景画、人物画，到反映他的心路历程和人生阅历的大量作品，无不展现其“艺术创作是追求精神世界的伟大完善”的理念，令人钦佩。他的艺术成就名闻国际，堪称为马来西亚水墨画的表率。我谨在此祈望其艺术创作生涯长远及丰盛。

拉希米 · 哈仑
马来西亚国家艺术馆馆长

PRAKATA

Pada tahun 1995, atas inisiatif saya sendiri, saya telah menyelenggarakan sebuah pameran bersempena dengan hari ulang tahun Chung Chen Sun yang ke-60 dan menghasilkan sebuah katalog tentang pelbagai hasil karya beliau selama 4 dekad yang lepas. Hari ini pula, sebagai seorang penyelidik sejarah seni, saya telah diundang oleh Balai Seni Lukis Negara untuk menyusun pameran '5 Dekad Chung Chen Sun' yang juga bersempena dengan hari ulang tahun ke-70 beliau. Apabila saya membuat perbandingan antara kedua-dua usaha yang dilaksanakan selang 10 tahun dalam keadaan yang berbeza dengan membawa misi yang berlainan, saya yakin usaha saya adalah penting dan bermakna bagi sejarah seni visual Malaysia.

Sambil kita melangkah ke abad-21 dunia menjadi semakin sepakat dan seja sekata dari segi konsep dan rentak. Dalam pada itu, timbul keperluan bagi seni dan kebudayaan sebagai 'santapan jiwa' untuk mencari kelainan dalam persamaan dan memupuk ciri-ciri setempat. Hanya dengan itu dapat kita temui jalan tengah atau keseimbangan antara kebendaan dan kerohanian. Sejarah catan berus Cina dapat dikesan hingga ke gambaran di atas seramik pada Zaman Batu Baru lagi. Semenjak itu sehingga ke penghujung Dinasti Qing, ia telah berkembang menjadi aliran utama seni visual di Cina. Sungguhpun ia telah diperkaya oleh cubaan-cubaan inovatif para artis Cina di samping menyerapkan pengaruh luaran sejak berdekad yang lalu, namun sepanjang perkembangannya berlaku juga fasa kelembapan yang tidak dapat dielakkan. Semenjak abad ke-20, isu-isu seperti masa depan genre ini dan bagaimana untuk menembusi kongkongan tradisi telah menjadi cabaran penting yang terus menguji para pengamal bentuk seni ini di Cina.

Berikutan penghijrahan beramai-ramai orang Cina ke luar negeri pada abad ke-20, catan berus Cina tradisional tersebar luas dan berkembang subur sehingga menjadi salah satu bentuk seni terpenting di dunia. Khususnya, ia telah bersemarak di Nanyang (istilah Mandarin yang merujuk kepada rantau Asia Tenggara), terutamanya di kalangan diaspora masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura. Menjelang akhir 1920an, masyarakat Cina Nanyang telah sebatи dengan kesusasteraan dan kesenian yang

lahirlah satu budaya baru yang lebih meriah dan merangkumi unsur-unsur terbaik budaya-budaya asal. Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, satu demi satu negara di Asia Tenggara telah mencapai kemerdekaan. Kesedaran tinggi tentang semangat patriotik mulai merebak justeru mendorong kerajaan untuk menyarankan pembentukan tradisi seni yang unik bagi Malaysia. Hala tuju ini sehaluan dengan konsep 'Seni Nanyang' pada akhir 1930an.

Chung Chen Sun muncul dari kalangan generasi pertama penggiat seni tempatan yang telah dipupuk dalam suasana tersebut. Beliau adalah seorang pengamal dan pendidik seni yang sentiasa berminat mencuba sesuatu yang baru. Sebagai seorang pelopor yang berdiri di barisan hadapan angkatan pendidik seni moden pasca-kemerdekaan, Chung memberi penekanan yang sama penting terhadap asas pendidikan Seni Moden Barat dan nilai tradisi Timur, mengetengahkan fahaman penyatuan seni dan teknologi, lantaran memajukan bentuk baru ekspresi yang mencerminkan kepelbagaiannya budaya di Malaysia. Selepas 30 tahun berpenat lelah, Chung kini diiktiraf sebagai salah seorang pengasas pendidikan seni moden Malaysia.

Chung juga adalah yang pertama memperkenalkan pendidikan seni reka moden dan model pengurusan di beberapa buah universiti di tanah besar Cina. Pada awal 1990an, selaras dengan keperluan pasaran ekoran daripada polisi reformasi di Cina dan sejarah dengan matlamat ekonomi, Chung dengan berteraskan prinsip yang mengintegrasikan ciri-ciri budaya Cina kepada aliran seni reka moden sejagat telah menrealisasikan wawasan beliau dengan menujuhkan institusi pengajian tinggi yang mampu mendukung dua sistem, justeru melancarkan satu konsep baru dalam pendidikan seni reka bentuk moden.

Sebagai pengasas Persatuan Lukisan Dakwat Cina Kontemporari Antarabangsa, Chung juga adalah perintis dalam pemodenan seni lukisan dakwat Cina di luar negara Cina. Berbekalkan prestasi dalam bidang seni dan iltizam berterusan terhadap ideologi kreatif yang merangkumi estetik Timur-Barat, semangat tradisional, dan intisari pelbagai budaya, Chung telah melibatkan diri sepenuhnya dalam pengkaryaan

sehingga mencetuskan satu demi satu inovasi dan klimaks pada setiap tahap sepanjang 50 tahun perjalanan karier beliau. Menilai dari sudut sejarah seni, pemilihan bahan kajian yang luas dengan gaya komposisinya yang komprehensif adalah amat luar biasa. Pengalaman yang mantap dalam bidang pengurusan institusi dan kehidupan secara am, jalinan hubungan yang luas, pencapaian artistik yang hebat, kekayaan koleksi karya seni, bakat, dan peribadi yang berani dan bebas, semuanya bergabung untuk membentuk sumber yang tiada hadnya bagi inspirasi kreatif Chung.

Dedikasi sepanjang hayat Chung terhadap perkembangan pembelajaran seni di Malaysia dan Cina serta hasil titik peluhnya dalam memodenkan seni catan berus Cina kini membawaikan ide dan gaya yang telah mempengaruhi ramai artis muda dari bidang catan berus Cina, sama ada dalam atau luar negeri. Sehubungan dengan itu, pameran ini sesungguhnya mengemukakan pengesahan pencapaian yang sewajarnya terhadap sumbangan beliau.

Saya berasa amat terhutang budi dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia terhadap pameran ini. Tidak lupa juga mereka yang telah banyak membantu, khususnya Encik Rahime Harun (Ketua Pengarah), Puan Zanita Anuar (Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan), Puan Wairah Marzuki (Bekas Ketua Pengarah) dan Puan Tiwei Kwa dari Balai Seni Lukis Negara, yang telah bersama-sama terlibat menjayakan pameran ini. Kepada mereka, jutaan terima kasih yang mendalam daripada saya.

Dr Chung Yi
Kurator Jemputan

PREFACE

It was in 1995 that, of my own accord, I curated the Chung Chen Sun 60th Birthday Exhibition and produced a catalogue documenting the artist's varied works across four decades. Today, as a researcher of art history, I am engaged by the National Art Gallery to curate '5 Decades of Chung Chen Sun', an exhibition that also marks the occasion of the artist's 70th birthday. As I compare the two experiences – executed 10 years apart, in different capacities and with different missions in mind – I am convinced my efforts are vital and meaningful for the history of Malaysian visual arts.

As we enter the 21st century and the world grows increasingly unanimous and identical in concepts and pace, there is a need for art and culture as 'foods for the soul' to seek difference in sameness and cultivate regional characteristics. Only then can we find a halfway path or balance between materialistic and spiritual well-being. Chinese Brush Painting dates back to pictures on pottery from the New Stone Age. Until the end of the Qing Dynasty, it had comprised the mainstream of China's art movement. Despite innovative quests by Chinese artists and the art form assimilating outside influences over the centuries, there have inevitably been moments of stagnation in its progress. Since the 20th century, issues such as the future course of the art form and how to break through tradition have become important challenges that continue to plague the ink brush artists of China.

Following the mass Chinese migration overseas in early 20th century, traditional Chinese Brush Painting spread and flourished, coming to the fore as one of the most important art forms in the world. In particular, it thrived in the Nanyang (the South Seas) region, epitomised by the development in the large Chinese diaspora in Malaya and Singapore. By the end of the 1920s, the Nanyang Chinese community was churning out literature and art that reflected local flavour. The migrant painters also experimented with local sceneries, oil portraiture, and brush painting.

Situated in the heart of this ethnically-diverse and culturally-plentiful region, Malaya became the cradle of a multitude of artistic styles. It was a meeting point where the major world cultures interfused and amalgamated.

gamated, giving rise to a colourful new culture that incorporates the best elements of the original cultures. As the Second World War drew to a close and one after another Southeast Asian nation makes a claim for independence, a vigorous consciousness of patriotism prompted the government to propose moulding an artistic tradition that was uniquely Malaysian, a proposal that coincided with the end-1930s concept of 'Nanyang Art.'

Chung Chen Sun emerged from the first generation of local art practitioners nurtured in this environment to become a constantly exploring, creating and practising artist and educator. The foremost advocate in the post-independence modern art education scenario, Chung places equal emphasis on the foundation of modern Western art education and traditional Eastern values, putting forward the ideology of blending art and technology, and thus, promoting a new form of expression that signifies the cultural diversity within the melting pot of Malaysia. The result of over 30 years of painstaking efforts, Chung is today recognised as one of the pioneers of modern Malaysian art education.

Chung was also the first to introduce modern design education and management model to universities in mainland China. In the early 1990s, to fit in with the market economic needs brought on by the reform and opening-up policy in China, Chung adopted the guiding principle of integrating Chinese cultural characteristics into modern worldwide design trends so as to better serve economic goals. Chung demonstrated his vision through the dual-system institutions of higher learning which he established, thereby launching a new concept for the modern design arts education.

As the founder of the International Contemporary Ink Painting Association, Chung was also a pioneer in promoting the modernisation of ink painting outside China. With his artistic attainments and continuous commitment to a creative ideology that embraces East-West aesthetics, the spirit of tradition and the essence of various cultures, Chung has for the last 50 years given full play to the conception of form, blazing new trails with each climax at different junctures of his career. Evaluating in terms of art history, the comprehensiveness and diversity of his subject

matters and styles of composition are indeed rare. Chung's solid experiences in institution management and in life in general, his widespread networking, excellent artistic achievements, vast collection of artworks, talent, and bold and uninhibited character; all coalesce to form an endless source of his creative inspiration.

Chung's lifelong dedication to both modern Malaysian and Chinese art education and his hard work at modernising Chinese Brush Painting have culminated in ideas and styles that have influenced many young ink brush artists, both local and foreign. In view of that, this exhibition provides a most fitting affirmation of his contributions.

I am grateful for the support of the Ministry of Culture, Arts and Heritage for this exhibition project. Many others have also helped, but I would like to single out Mr Rahime Harun (Director-General), Ms Zanita Anuar (Director of Research and Development), Ms Wairah Marzuki (former Director-General) and Ms Tiwei Kwa of the National Art Gallery, whose guiding hands were instrumental in bringing it to fruition. To them, my heartfelt thanks.

Dr Chung Yi
Guest Curator

序

1995年，我为锺正山先生策划六十岁的回顾展，精选他40年来各种题材的作品聚集成册。如今，我以美术史研究者的身份、受马来西亚国家艺术馆委任为策展人，负责这项大展『五十载笔墨情——锺正山70回顾展』。相隔十年，不同的身份、心情和任务，我坚信自己所做的是马来西亚美术史上极为重要及有意义的事。

21世纪，当世界地球村的概念与步伐越来越一致，趋向大同之际，做为精神粮食的艺术文化便应该从“同中求异”，塑造区域特色。人类的物质与精神生活才能达到“平衡”的中庸之道。水墨画的笔墨始于新石器时代的彩陶，至清末民初止，它都是中国传统主流画种。虽然经过历朝历代画家们的努力探索，吸取外来的营养，但是都是在原生地中国本土上求新求变，总有滞留停待不前的时候。因此，“水墨画何去何从？”及“如何突破传统？”这个课题，成为20世纪以来，中国的水墨画家最大的困扰。

20世纪初叶，中国人大量向海外迁移，传统水墨画的技法和文人情操也随之传遍各地，成为世界重要的画种之一。尤其是华裔人口最密集的南洋地区（以马来西亚、新加坡为代表），水墨画的发展最兴盛。1920年代下旬，南洋地区的华社，提出了具有本土化色彩的南洋文艺思潮。移民画家也纷纷尝试写生一些本地风景、人物的油画、水墨画。

马来西亚地处东南亚这个种族复杂、文化丰富的区域，这正是孕育多元艺术风格的摇篮。世界各主流文化来到这里，互相交融、包容并蓄，衍生出比原生文化更多姿多彩的新生文化。二次世界大战后，东南亚各国纷纷酝酿独立，强烈的爱国主义意识促使了政府提出塑造“马来西亚美术”的理念，这与30年代末的“南洋美术”的概念完全吻合。

锺正山正是在这样的环境下培养出来的本土第一代画家，一个不断在探索、创造和实践的艺术家和艺术教育家。他是马来西亚独立之后揭开我国现代艺术教育先河的第一人。锺先生既重视西方现代艺术教育中的“基础课程”，也强调东方传统文化的价值观，提出“艺术与科技融合”的思想，在马来西亚这个多元民

族，多元文化的大熔炉中，精炼出现代而富特色的“马来西亚艺术”。无可否认的，三十多年的艰苦办学，锺正山被誉为马来西亚现代艺术教育先驱。他也是第一个将国际现代设计艺术教育理念，与管理模式引进中国大学的开拓者。1990年代初，锺先生总结在马来西亚实践多年艺术教育经验，提出“为适应中国改革开放及市场经济之需要，培养高等专门设计人才，将中华民族文化的特色，结合世界现代设计的趋势，为经济服务”的办学宗旨：以一校两制的方式，开启了中国大专院校，另一种全新概念的现代设计艺术教育体系。

锺正山也是创立国际现代水墨画联盟，在中国以外推动水墨画现代化的先驱之一。他在艺术创作上的造诣极深，其创作理念继承与融合东西方美学哲思，既有浑厚的传统精神，又能吸取各民族的文化精粹，发挥具创建的造型意境。50年的创作道路，他一直不断的创新，前进；在不同的时期，出现了不同的风格及不同的艺术高潮。他的作画题材与体裁非常全面与多样化，这在美术史上是罕见的。锺正山深厚的办学经验，人生阅历，广阔的人脉，高超的艺术造诣，丰富艺术收藏品的启发，个人的艺术天赋，热诚豪放的性格，都成为他无限的艺术创作灵感的源泉。

锺正山的一生为马来西亚及中国的现代艺术教育奉献，为中国水墨画的现代化运动奔波。其艺术理论与创作风格直接影响着国内外许多的中青年水墨画家。有鉴于此，马来西亚国家画廊特为他举办这场回顾展，做为对我国先驱画家贡献的肯定。

我在此谨感谢马来西亚文化、艺术暨遗产部，国家画廊举办这项“锺正山70回顾展”，并且出版这本画册，收录锺先生50年的部分作品。同时也要感谢在这次画展筹备工作上给予大力协助的国家画廊馆长拉希米先生、助理馆长占妮达女士、前任馆长薇拉女士及馆长助理柯迪薇小姐，还有许多默默相助的朋友。

客座策展 锺瑜博士

PENGENALAN

Merentasi Sempadan Baru: Kreativiti Artistik Chung Chen Sun dan Lukisan Dakwatnya

oleh Professor Shao Da Zhen

Profesor, Akademi Seni Halus Sentral, Beijing dan Pengerusi,
Jawatankuasa Teori Persatuan Pelukis-Pelukis Cina

Chung Chen Sun merupakan seorang pelukis yang ulung dan terkenal di dunia serta seorang pendidik seni. Selain mengasaskan Institut Seni Lukis Malaysia (MIA), beliau juga telah menubuhkan Persatuan Lukisan Dakwat Kontemporari Antarabangsa yang masih diterajuinya sehingga kini. Sumbangan beliau kepada pendidikan seni dan perkembangan lukisan dakwat amatlah besar. Selama berdekad-dekad, Chung telah melakar paradigma baru untuk lukisan dakwat kontemporari. Perjalanan beliau penuh ranjau duri, tetapi hikmahnya besar sekali. Beliau merupakan antara pelukis dakwat yang tersohor ketika ini. Gaya beliau yang unik telah menarik perhatian dan dikagumi peminat seni di seluruh dunia.

Lukisan dakwat mempunyai sejarah dan tradisi yang panjang. Apa yang bermula sebagai karya seni Cina yang unggul telah tersebar jauh dan luas. Sejak zaman-berzaman, kita telah menyaksikan pelukis-pelukis agung menampilkan kepelbagaiannya gaya, meninggalkan legasi pencapaian artistik yang gemilang. Namun begitu, kegemilangan ini terhenti pada pertengahan abad ke-19. Rasa hormat kepada masa silam menjadi kekangan kepada masa depan. Oleh sebab semakin ramai pelukis yang mengambil ilham daripada pelukis-pelukis yang terdahulu, kurang kreativiti ditonjolkan. Karya-karya lukisan dakwat sering dilihat begitu banyak mengikuti jejak langkah pelukis-pelukis agung yang lama. Keinginan untuk mencipta pembaharuan lenyap sama sekali kerana pelukis-pelukis dakwat semakin berpuas hati dengan peniruan yang begitu sama. Berkat usaha pelukis-pelukis berbakat besar seperti Wu Chang Shuo, Qi Bai-Shi, Huang Bing-Hong, Pan Tian-Shou, Lin Feng Mian, Xu Bei-Hong, Li Ke-Ran dan Fu Bao-Shi yang bersungguh-sungguh ingin mengakhiri era ketandusan kreativiti, fajar abad ke-20 membawa harapan baru kepada lukisan dakwat. Perkembangan lukisan dakwat kembali menunjukkan peningkatan apabila pelukis-pelukis agung ini

"beranjak dari tradisi untuk menyingkap pandangan baru" dan "mengharmonikan gaya artistik di Timur dan Barat". Tetapi ke mana hala tuju pelukis-pelukis dakwat ini dari sini? Jalan ke hadapan kekal menjadi isu penting memandangkan kepesatan kemajuan dunia hari ini. Pada dasarnya, terdapat dua batu penghalang yang bakal mereka tempuh, satu konservatif dan satu lagi radikal. Sesetengah pelukis terus berpegang pada pendekatan konvensional yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas tanpa mengendahkan keperluan estetik baru seiring dengan perubahan masa. Sesetengah pelukis yang lain pula, walau bagaimanapun, memilih untuk memberi tumpuan kepada "reformasi artistik". Dengan tumpuan hanya kepada "perubahan dan penemuan ulung" yang tiada titik noktahnya dalam seni Barat, mereka ini memutuskan ikatan dengan warisan yang kaya. Dalam menangani masalah yang dihadapi oleh lukisan dakwat di Timur, mereka menerima pakai pendekatan yang berasal dari Barat. Sememangnya difahami, apabila masyarakat maju, seni juga mesti berkembang. Perkembangan gaya artistik boleh merupakan hasil atau permulaan perubahan politik dan ekonomi. Dalam kedua-dua situasi tersebut, ia mestilah berakar umbi dalam realiti sosial dengan rujukan kepada latar belakang sejarah dan kebudayaan. Tradisi tidak boleh disisihkan, dan pendekatan radikal yang mencirikan modenisme di Barat, bukanlah satu-satunya cara yang boleh diterokai. Dalam latar belakang sosial sedemikianlah, dan dengan mengambil kira isu inilah, maka Chung Cheng Sun tampil menyerlahkan bakatnya.

Dilahirkan dalam keluarga terpelajar di Nanyang (Laut Selatan), Chung telah dibesarkan dalam lingkungan budaya Cina tradisional. Beliau mendapat latihan di Akademi Seni Halus Nanyang dari tahun 1953 hingga 1955. Diasaskan pada tahun 1938, akademi tersebut telah mengenal pasti hala tujunya dalam "memantapkan kedudukan setempat di samping menerapkan unsur-unsur artistik Timur dan Barat bagi menghasilkan baru dengan sentuhan tempatan". Dalam hal pengajaran dan karya-karya kreatif lukisan dakwat, akademi ini menganjurkan gaya aliran pelukis Shanghai serta menggabungkan teknik lukisan tangan Logam dan Batu (Jinshi) dalam mengungkap subjek tempatan. Pada masa itu, Chung amat tersentuh dengan dedikasi Pengetua

Lim Hak Tai terhadap pendidikan seni. Sementara itu, naluri kreatifnya pula dirangsangkan oleh guru-gurunya seperti Cheong Soo Pieng, Chen Wen Hsi dan Chen Chong Swee's; usaha mereka yang tidak mengenal penat jemu dalam mendokong gaya Nanyang yang unik dan pencapaian mereka kemudiannya menjadi pendorong kepada hasrat peribadi Chung. Chung mendapat latihan yang kukuh dalam teknik lukisan.

Timur dan juga Barat, tetapi beliau terpesona dengan lukisan dakwat dan kaligrafi. Karya lukisannya yang dihasilkan dengan berus menarik perhatian guru-gurunya dan mendapat pujian ramai. Gaya seni Nanyang yang berbeza mula menjelma pada tahun 1950-an di Singapura dan Malaysia. Chung bersemangat dan teruja dengan perkembangan ini. Berlatarbelakangkan kebudayaan inilah beliau memulakan kerjayanya dalam pendidikan seni dan aktivitinya sebagai seorang pelukis. Beliau kuat melobi untuk mempelopori perjuangan ini dan pada 29 Jun 1967, tidak lama selepas Malaysia meraikan kemerdekaannya, maka lahirlah Institut Seni Lukis Malaysia. Misi yang diamanahkan di bahunya sendiri ialah untuk mewujudkan identiti budaya bagi negara Malaysia yang berbilang kaum. Institut yang diasaskan oleh Chung ini sememangnya membuka lembaran baru dalam pendidikan seni kontemporari di Malaysia. Institut ini menyampaikan ilmu dalam bidang seni halus, reka bentuk dan seni persembahan, mewujudkan asas yang kukuh untuk perkembangan dan kemajuan pendidikan seni. Chung bukan sahaja memanfaatkan pengalaman kejayaan pendidikan seni di Barat, malah beliau juga turut mengambil kira realiti sosial di Timur amnya, dan Malaysia khususnya. Beliau memulakan usaha untuk memperkasakan gagasan kemanusiaan; meningkatkan tahap penghayatan estetik; serta menggabungkan seni, sains dan teknologi - kesemuanya bertujuan untuk mencapai keindahan dan kesempurnaan. Sejak berdekad-dekad, institut ini telah memberi sumbangan yang besar kepada mengasimilasikan nilai-nilai budaya tradisional pelbagai kaum, membantu keharmonian kaum serta mengasah bakat pelukis-pelukis muda yang sedang meningkat. Pada awal tahun 90-an, Chung menyingkap sempadan baru dalam pendidikan seni dengan mengasaskan akademi-akademi seni

kontemporari antarabangsa di Mongolia, Yunan dan Hunan.

Komitmen Chung kepada pendidikan seni dan tugas-tugas pentadbiran tidak menghalang minatnya terhadap lukisan dakwat. Beliau meneruskan usahanya untuk mencari gaya Nanyang baru, serta menerokai bahasa tampak kontemporari dalam pengkaryaan menggunakan dakwat dan berus.

Beliau mula menghasilkan karya-karya lukisannya pada pertengahan tahun 1950-an, iaitu setengah abad lalu. Meskipun luahan artistik dan gayanya telah mengalami beberapa tahap perubahan, namun pemikiran asasnya tetap sama -- iaitu karya-karya beliau menampilkan luahan ekspresi artistik dalam era moden tanpa mengabaikan misi untuk menyebarkan semangat kebudayaan tradisional. Ia juga adalah berkenaan dengan menyingkap kemungkinan dakwat dan berus, banyak belajar daripada pencapaian seni kontemporari Barat, menerokai teknik dan kemahiran untuk inovasi, serta menghasilkan karya lukisan dakwat yang mencerminkan ciri-ciri masa kini.

Chung mula mempelajari seni lukis tradisional Cina secara mendalam pada pertengahan 1950-an. Menggunakan dakwat dan berus, beliau mencoretkan segalanya unik dengan wilayah Nanyang, seperti mana yang dilakukan oleh pelukis-pelukis generasi pertama Nanyang. Beliau kemudiannya menyedari bahawa walaupun peminat seni Malaysia teruja dengan impak modenisme Barat, namun lukisan Cina kekal agak 'literati' dalam pandangan, sekadar mendokong "teknik tradisional, tema tempatan", tidak lebih dari itu. Beliau mula menyedari bahawa gaya artistik baru melampaui pilihan tema; ia lebih berkaitan dengan bahasa tampak baru. Beliau pernah berkata, "Secara peribadi, saya berpendapat bahawa pilihan tema menjadi perkara kedua. Sama ada tema-tema ini membolehkan lukisan dakwat menyerlahkan keindahan seninya sepenuhnya, serta mencetuskan semangat dan estetik harmoni -- itulah yang paling penting." Hari-hari berlalu, Chung lebih memberi tumpuan kepada keindahan gaya penggunaan dakwat dan berus. Pada tahun 1960-an, beliau berusaha untuk mengembangkan ruang lingkup seninya. Di samping mencuba dengan

teknik-teknik yang berlainan, beliau juga mengkaji penggunaan garisan dan titik dalam kaligrafi tradisional Cina, serta daya tarikan rentaknya. Percubaan dibuat untuk mengungkap semangat kebudayaan Cina dengan menggunakan peralatan pelukis cat minyak -- Chung berusaha untuk mencoretkan warna dan kesan tekstual lukisan cat minyak dan mural dalam kerja dakwat dan berusnya. Teori tentang olahan dan penyampaian abstrak dalam seni moden Barat boleh dikesan dalam lukisan dakwatnya. Begitulah kepelbagaian dalam visi dan penemuannya sehingga seni dakwat dan kerja berusnya menjadi lebih kaya, serta bahan dan ekspresi menjadi lebih berwarna-warni lagi. Atas dasar inilah beliau berusaha lebih jauh lagi untuk mencipta semula bahasa artistik yang penuh imaginasi dan bertenaga dalam dakwat dan berus.

Apa yang nampaknya menggusarkan fikiran ialah apabila seseorang pelukis di Timur banyak terdedah kepada kesenian di Barat, mereka akan lebih menghargai kesenian Timur. Pada awal tahun 1970-an, Chung mengunjungi Eropah dan Amerika Syarikat untuk mempelajari kesenian moden Barat. Beliau menyedari bahawa nilai-nilai kebudayaan tradisional mestilah dipelihara pada ketika masyarakat mengalami pemodenan. Menjelang akhir tahun 1970-an, sumber ilham Chung datangnya dalam bentuk kesenian kaum pribumi Sarawak. Kaum pribumi Malaysia Timur ini menggunakan garisan kasar dan bentuk geometri dalam warna-warna utama untuk mewakili kesederhanaan dan ketulusan yang ada dalam diri mereka -- ia adalah "kembali kepada kesederhanaan". Tatkala inilah minatnya terhadap kebudayaan dan kesenian Cina semakin mendalam. Beliau merasakan bahawa apabila masyarakat mengalami transformasi, kebudayaan tradisional Cina yang mendalam mempunyai implikasi kebudayaan yang besar kepada masyarakat akan datang. Beliau asyik dengan ajaran 'Konfusianisme', 'Taoisme' and 'Zen' semasa beliau membuat penyelidikan tentang kebudayaan dan kesenian Cina yang berkaitan dengan lukisan dakwat tradisional. Seperti yang disaksikan daripada karya-karya lukisan tangannya (Da Xieyi), beliau cuba untuk menerapkan jari-jemarinya dengan falsafah peribadi. Pada tahun 80-an, Chung memberi tumpuan kepada tumpuan kepada asimilasi